

## Berita Harian; 28 September 2011; MM Lee: A populist government will never be formed in Singapore

FORUM PERNIAGAAN SINGAPURA-RUSSIA

# MM Lee: Pemerintah 'populis' tidak akan terbentuk di Singapura

Oleh ATIIYAH MOHD SAID  
atiiyahm@spn.com.sg

MANTAN Menteri Pembimbing, Encik Lee Kuan Yew, tidak menjangkakan satu bentuk pemerintahan yang 'populis' akan wujud hasil daripada keputusan pilihan raya umum Mei lalu.

Beliau juga menekankan bahawa pengambilan warga asing sebagai penduduk tetap (PR) di Singapura akan dikurangkan kerana rakyat setempat masih lagi kurang senang dengan kehadiran terlalu ramai pendatang asing.

Beliau berkata demikian dalam satu forum khas - Forum Perniagaan Rusia-Singapura (RSBF)

yang keenam - di Pusat Konvensyen Marina Bay Sands semalam.

Menjawab pertanyaan sama ada perubahan sentimen di kalangan rakyat akan menghasilkan pemerintahan yang lebih lemah yang mengamalkan dasar-dasar popular dengan orang awam, Encik Lee berkata keputusan pilihan raya yang lalu hanya mencerminkan 'perubahan angin' di kalangan masyarakat dan ini tidak semestinya berkekalan.

"Kita hanya kehilangan satu kerusi GRC di parlimen, ia bukanlah satu bencana. Ia adalah perubahan sentimen di kalangan rakyat.

"Setelah sekian lama, rakyat fikir bahawa persaingan adalah

baik untuk pemerintah, jadi mereka memilih pembangkang.

"Tetapi, kecuali persaingan yang diberikan adalah positif, maka saya tidak fikir trend itu akan berterusan," kata Encik Lee, yang juga Penasihat Perbadanan Pelaburan Pemerintah (GIC).

Beliau turut menjelaskan bahawa pemberian status PR kepada warga asing akan dikurangkan kerana "rakyat Singapura tidak saka melihat wajah-wajah asing di MRT".

"Sebagai pemerintah kami harus menimbang apa yang diinginkan rakyat," katanya.

Namun demikian, Encik Lee yakin bahawa pendirian ini akan

berubah pada masa akan datang memandangkan kadar kelahiran yang semakin berkurangan.

"Buat masa ini, memang ada yang kurang senang, tetapi akan tiba satu masa apabila mereka menjadi tua - hari ini mereka berusia 20-an, 30-an atau 40-an tahun - tetapi apabila mereka mencecah 60-an tahun, mereka akan bergantung pada orang lain untuk menjaga mereka dan itulah masanya mereka akan berubah," ujarnya.

Dalam sesi selama sejam itu, Encik Lee turut menyentuh mengenai krisis di Amerika Syarikat dan Eropah.

Menurutnya, jika keadaan di Amerika tidak pulih, ia mungkin

menjejas pertumbuhan di China dan India kerana eksport mereka yang masih bergantung pada kedua-dua pasaran itu.

"Namun rancangan saya bagi Eropah kurang optimis berbanding Amerika sebab pasaran Eropah yang kurang berdaya tahan kerana sistem negara itu yang lebih bersifat kebajikan berbanding Amerika," kata Encik Lee.

RSBF yang dianjurkan enam tahun lalu bernaamni meningkatkan kesedaran tentang peluang perniagaan di Russia.

Forum tahun ini berjaya menarik seramai 600 peserta yang terdiri daripada golongan peniaga dari Russia, Singapura dan Asia.